



یونیورسیتی کبڠساڠن ملیسیا

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03 8925 0199 / 8929 2841 / 8929 2833 Fax : 03 8925 6067

E-mel : [kpustaka@pkisc.cc.ukm.my](mailto:kpustaka@pkisc.cc.ukm.my) Laman web : <http://www.ukm.my/library>

Pejabat Ketua Pustakawan

UKM 3.7/204/36-1 Jld. 3

21 Disember 2001

Encik Mohd Razalli Ahmad Termizi  
Perpustakaan Negara Malaysia



Puan Noriyah Md. Nor  
Perpustakaan Universiti Malaya

Puan Hajjah Laila Hassan  
Perpustakaan Universiti Putra Malaysia

Puan Rapeeah Ahmad  
Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

Puan Mazmin Mat Akhir  
Perpustakaan Universiti Utara Malaysia

Puan Noraziah Sharuddin  
Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia

Cik Kalsom Sharif  
Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Cik Masnah Hj. Abdul Karim  
Perpustakaan Universiti Teknologi MARA

Encik Md. Yazid Muji  
Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional

Cik Siti Khabshah Masrom  
Perpustakaan Universiti Multimedia Telekom


Puan Rabiatal Ahya  
Perpustakaan Universiti Teknologi PETRONAS

Cik Anna Michael  
Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah

Puan Margaret Simeng  
Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak

Puan Maimunah Kadir  
Perpustakaan Hospital UKM

Encik Tusiman Mingun  
Puan Hafsah Mohd  
Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM



Tuan/Puan,

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL  
BIL. 6/2001**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara seperti di atas dan bersama-sama ini disampaikan sesalinan minit mesyuarat tersebut untuk tindakan/perhatian/makluman tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

*"Perpustakaan Penjana Generasi Bermaklumat"*

Yang benar,

**PUTRI SANIAH MEGAT ABD. RAHMAN**  
Ketua Pustakawan/  
Pengerusi  
J/K Kecil Pangkalan Data Komersil

*Berlampir*

HM/fmn

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL**  
**BIL. 6/2001**



Tarikh : 28 November 2001  
Masa : 9.30 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 5  
Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM Bangi

*Yang Hadir*

Puan Putri Saniah Megat Abd. Rahman (UKM)	(Pengerusi)	psmar@pkrisc.cc.ukm.my
Puan Noriyah Md. Nor (UM)		a4noriah@umscd.um.edu.my
Puan Mazmin Mat Akhir (UUM)		mazmin@webmail.uum.edu.my
Puan Noraziah Sharuddin (UTM)		azie@ppc.psz.utm.my
Cik Masnah Hj. Abdul Karim (UiTM)		masnah619@salam.itm.edu.my
Encik Md. Yazid Muji (UNITEN)		yazidm@uniten.edu.my
Puan Maimunah Kadir (HUKM)		mai@mail.hukm.ukm.my
Puan Hafsa Mohd (UKM)	(Setiausaha)	hafsam@pkrisc.cc.ukm.my

*Tidak Hadir Dengan Kenyataan*

Encik Mohd Razalli Ahmad Termizi (PNM)	btb@pnm.my
Puan Hajah Laila Hassan (UPM)	lh@lib.upm.edu.my
Cik Siti Khabshah Masrom (MMU)	khabshah@mmu.edu.my
Puan Rapeeah Ahmad (USM)	RA@notes.usm.my
Cik Kalsom Sharif (UIAM)	kalsom@iiu.edu.my
Puan Rabiatal Ahya (UTP)	rabiatal_ahya@yahoo.com
Cik Anna Michael (UMS)	anna@ums.edu.my
Puan Margaret Simeng (UNIMAS)	mag@cais.unimas.my
Encik Tusiman Mingun (UKM)	tus@pkrisc.cc.ukm.my

## 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam dan selamat berpuasa kepada semua yang hadir.
- 1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan model konsortia Malaysia dan PDK langganan Kementerian Pendidikan.

## 2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 5/2001

Minit Mesyuarat Bil. 5/2001 telah disahkan tanpa pindaan.

## 3.0 LAPORAN J/K PERDANA

3.1 Pengerusi memaklumkan bahawa :

- i. Puan Zawiyah Baba (PNM) akan mengusulkan kepada Kementerian Pendidikan mengenai penubuhan konsortium nasional di Malaysia.

## 4.0 MODEL KONSORTIA DI MALAYSIA

Pengerusi memaklumkan salah satu resolusi seminar di UTM pada bulan Oktober lalu ialah penubuhan konsortium nasional di Malaysia. Mesyuarat akan membincangkan Model Konsortia di Malaysia dari tiga aspek :

- a. penubuhan secara sah (legal structure)
- b. keahlian konsortia (member structure)
- c. kewangan (fee structure)

### 4.1 Penubuhan Secara Sah (Legal Structure)

Mesyuarat mengusulkan beberapa cadangan :

- a. Konsortia ditubuhkan di bawah Kementerian dengan mengadakan satu unit khas yang mempunyai akaun berasingan.
- b. Konsortia ditubuhkan di bawah pengurusan universiti. Contoh : Projek Malmarc di USM.
- c. Konsortia ditubuhkan di bawah naungan PPM.

### 4.2 Keahlian Konsortia (Member Structure)

Mesyuarat bersetuju supaya konsortia ini dibuka kepada semua institusi di Malaysia.

#### 4.3 Kewangan (Fee Structure)

##### a. Kos yang terlibat merangkumi :

##### i. Kos operasi

Gaji kakitangan –

- o S2 (RM5,000.00 x 12) – RM60,000.00 } RM72,000.00
- o Pembantu (RM1,000.00 x 12) – RM12,000.00 } setahun

##### ii. Kos PDK, e-jurnal, e-buku

##### iii. Kos bagi setiap pencarian (cost per search) :

- o tertakluk kepada bilangan pelajar dan kos PDK
- o akan merujuk perkiraan yang sedang dilakukan di UTM.

##### iv. Kos PDK bagi 5-10 pengguna dalam satu masa.

##### b. Sumbangan setiap institusi

i. Perpustakaan Akademik – tertakluk kepada bilangan pelajar.

ii. Perpustakaan Awam – tertakluk kepada bilangan ahli dewasa.

iii. Perpustakaan Penyelidikan – tertakluk kepada bilangan penyelidik.

#### 4.4 Nama Konsortia

Mesyuarat telah mencadangkan beberapa nama :

- o MALNET - Malaysian Libraries Network
- o CML - Consortia of Malaysia Libraries
- o MLC - Malaysian Libraries Consortium
- o COMLIB, COMAL, MYLIC, MALIC, MALIUM

### 5.0 PDK LANGGANAN KEMENTERIAN

Pihak sekretariat akan menyediakan brosur bagi ketiga-tiga PDK : Science Direct, Proquest Education dan Ebscohost BSP. Surat akan dihantar kepada setiap institusi yang berkenaan untuk mendapatkan maklumbalas sama ada mereka berminat untuk mengakses PDK tersebut.

Beberapa butiran lanjut mengenai setiap PDK adalah seperti berikut :

#### 5.1 Proquest Education

- a. 14 institusi dalam konsortia ialah : UIAM, UiTM, UKM, UMS, UNIMAS, UPM, USM, UTM, MMU, UUM, UM, UTP, UNITEN dan PNM.
- b. Institusi lain di bawah PERPUN boleh mengakses Proquest Education dengan menjadi ahli di salah sebuah 14 institusi di atas. Institusi tersebut ialah : UPSI, KUIM, KUITTHO dan KUTM.

- c. "Group ID" diperlukan supaya statistik penggunaan dari institusi lain boleh diperolehi. Pihak sekretariat akan menanyakan hal ini kepada wakil Proquest dan menentukan siapakah yang akan menguruskan "Group ID" tersebut.
- d. Statistik penggunaan dan bengkel mengakses Proquest Education akan diuruskan oleh setiap institusi secara individu.
- e. Proquest Education tidak ada menyediakan "CD backup".

#### 5.2 Ebscohost Business Source Premier (BSP)

- a. 5 institusi yang melanggan di bawah pembiayaan Kementerian Pendidikan ialah : UM, UKM, UUM, UIAM dan UPM. Institusi lain boleh mengakses melalui ID dan "password".
- b. Pihak Ebsco akan menyediakan statistik penggunaan bagi 5 institusi yang melanggan sahaja.
- c. 'CD backup" akan diberikan kepada 5 institusi yang melanggan.

#### 5.3 Science Direct

- a. 14 institusi dalam konsortia ialah : UIAM, UKM, UM, UPM, USM, UTM, MMU, UUM, UiTM, UNITEN, UTP, UMS, UNIMAS dan PNM.
- b. Kementerian Pendidikan akan membayar "Science Direct fees" :
  - o 9% dari jumlah kos langganan bercetak
  - o "content fees" dan "platform fees" bagi langganan e-jurnal
- c. Pihak Science Direct akan menyediakan statistik penggunaan bagi setiap institusi pada akhir tahun 2001.
- d. Setiap institusi akan memilih beberapa bidang perkara (tiada pertindihan dalam bidang yang dipilih) selain dari apa yang dilanggan. Hal ini akan dibincangkan selepas mendapat maklumat statistik pengguna.

### 6.0 HAL-HAL LAIN

- 6.1 14 institusi telah bersetuju untuk melanggan IEL secara konsortia. Konsortia ini akan bermula pada tahun 2002. Institusi yang terlibat ialah : UiTM, MMU, UNIMAS, UNITEN, UTM, UTP, UM, UPM, UKM, UMS, UUM, UIAM, MIMOS dan CURTIN (Sarawak).
- 6.2 PsycInfo – setiap pembekal memberikan kos yang berbeza. Pihak sekretariat akan mendapatkan kos PDK ini dari NISC dan Ebscohost. Kos pembekal seperti berikut :

a. Access Dunia		
PsycInfo + PsycArticles	-	RM9,192.00 (FTE – up to 999)
b. IPL		
PsycInfo (15 pengguna serentak)	-	RM25,330.00 (FTE up to 300)
PsycArticles	-	RM26,410.00

c. CSA  
PsyInfo

- RM4,560.00 (FTE up to 999)

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.

*Pejabat Ketua Pustakawan  
Perpustakaan Tun Seri Lanang  
UKM Bangi*

*Bertarikh : 21-12-2001*

*PS/HM/fmn*